




## Tingkah-laku Trend Dua Dekad (2003-2022) bagi Pemboleh Ubah dalam Indeks Harga Pengguna (IHP) di Malaysia

**Nurulkamal Masseran & Sharifah Norasyikin Syed Omar**  
**Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia**

### Pengenalan

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji tingkah-laku trend dan hubungan antara pemboleh ubah dalam IHP Malaysia dan seterusnya menilai kewujudan hubungan jangka pendek atau jangka panjang antara pemboleh ubah tersebut. Kajian ini merupakan kajian empirikal terhadap data tahunan IHP bagi tempoh 20 tahun lepas (2003-2022). Dua teknik berstatistik digunakan iaitu; ujian punca unit dan ujian kointegrasi Johansen bagi mencapai objektif kajian. Dapatan kajian mendapati semua pemboleh ubah dalam IHP menunjukkan trend yang meningkat atau menurun yang signifikan bagi tempoh 20 tahun lepas dengan korelasi hubungan yang tinggi. Namun, reja pada aras trend untuk setiap pemboleh ubah IHP didapati tidak pegun. Ini menunjukkan bahawa sisihan pada aras trend untuk setiap pemboleh ubah IHP adalah tidak stabil dan tidak konsisten terhadap masa. Berdasarkan pola siri masa reja, didapati terdapat tiga kelompok utama yang menunjukkan hubungan jangka pendek. Manakala, berdasarkan keputusan ujian kointegrasi Johansen, didapati wujud hubungan jangka panjang antara beberapa pasangan reja pemboleh ubah IHP



Rajah 1. Plot trend siri masa tahunan bagi setiap pemboleh ubah IHP (2003-2022).

Rajah 2. Plot reja IHP pada aras trend bagi setiap pemboleh ubah IHP (2003-2022).

Jadual 1. Keputusan ujian kointegrasi terhadap reja IHP

Pasangan IHP	Keputusan	Pasangan IHP	Keputusan	Pasangan IHP	Keputusan
A,E,I	Berkointegrasi	B,F	Berkointegrasi	F,K	Tiada Kointegrasi
A,E	Tiada Kointegrasi	B,J	Tiada Kointegrasi	F,L	Tiada Kointegrasi
A,I	Berkointegrasi	B,K	Tiada Kointegrasi	J,K	Tiada Kointegrasi
I,E	Berkointegrasi	B,L	Tiada Kointegrasi	J,L	Berkointegrasi
B,F,J,K,L	Berkointegrasi	F,J	Tiada Kointegrasi	C,D	Tiada Kointegrasi

### Keputusan dan Perbincangan

Dapatan kajian ini mendapati semua pemboleh ubah dalam IHP menunjukkan trend yang meningkat atau menurun yang signifikan bagi tempoh 20 tahun lepas dengan korelasi hubungan yang tinggi. Namun, reja pada aras trend untuk setiap pemboleh ubah IHP didapati tidak pegun yang menggambarkan turun naik nilai yang tidak stabil dan tidak konsisten terhadap masa. Tiga kelompok utama ((A, E, I), (B, F, J, K, L) dan (C, D)) menunjukkan wujudnya hubungan jangka pendek. Ujian kointegrasi mengesan kewujudan hubungan jangka panjang bagi beberapa pasangan pemboleh ubah IHP. Hubungan jangka panjang antara setiap pemboleh ubah IHP boleh diselidiki dengan lebih mendalam dalam kajian lanjutan dengan menggunakan teknik statistik seperti ujian sebabab Granger atau kaedah korelasi dinamik untuk mencungkil maklumat tambahan berkaitan tingkah laku dan magnitud pengaruh antara setiap pemboleh ubah IHP.

Kajian ini ditaja oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (No Geran: GP-2021-K020446)